

**KRITERIA PERTANDINGAN MENCIPTA NAMA, LOGO DAN
SLOGAN BAGI PENJENAMAAN SEMULA SISTEM KREDIT
KEMAHIRAN MALAYSIA (SKKM)**

1. SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1.1. Penyertaan

- 1.1.1 Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warga Malaysia. Pihak urus setia dikecualikan daripada menyertai pertandingan ini.
- 1.1.2 Peserta **TIDAK DIWAJIBKAN** untuk menghantar penyertaan bagi ketiga-tiga kategori (nama, slogan dan logo). Peserta boleh memilih untuk menyertai salah satu **ATAU** kesemua kategori tersebut. Peserta yang menghantar penyertaan untuk kesemua kategori tetap dinilai secara berasingan mengikut kategori rekacipta.
- 1.1.3 Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan. Walaubagaimanapun, hanya satu nama, logo dan slogan akan dipilih sebagai pemenang.
- 1.1.4 Semua ciptaan mestilah baru dan asli dan tidak diciplak daripada mana-mana nama, logo dan slogan tempatan atau luar negara.
- 1.1.5 Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.
- 1.1.6 Nama, logo dan slogan yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik pengajur (Jabatan Pembangunan

Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia). Segala hak cipta diberikan kepada penganjur dan peserta tidak memiliki sebarang hak tuntutan terhadap karya atau hasil kerja yang diserahkan kepada penganjur bagi pertandingan ini.

- 1.1.7 Penganjur berhak menggunakan semula, menerbit atau mempamerkan penyertaan di dalam apa jua bentuk media atau medium tempatan atau luar negara tanpa notis atau pembayaran kepada peserta.
- 1.1.8 Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga atas alasan perlanggaran hak cipta. Penganjur berhak untuk membawa tindakan kepada peserta yang menghantar penyertaan yang melanggar hak cipta pihak lain.
- 1.1.9 Keputusan pengadil adalah muktamad dan hanya seorang (1) pemenang sahaja bagi setiap kategori yang akan dipilih. Pemenang akan menerima hadiah wang tunai RM1,000.00 dan sijil penghargaan bagi setiap kategori.
- 1.1.10 Tarikh tutup penyertaan telah dilanjutkan kepada **30 September 2019**. Penyertaan hendaklah dihantar ke alamat ATAU email seperti di bawah:

**URUS SETIA (UPM PMO),
PERTANDINGAN REKA CIPTA NAMA, LOGO DAN SLOGAN,
BAHAGIAN PEMANTAUAN PROJEK (PMO),
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK),
TINGKAT 7, BLOK D4, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62530 PUTRAJAYA
No Telefon : 03-8886 5536
Email : urusetiaskkm@mohr.gov.my**

1.2. Spesifikasi Nama Sistem dan Slogan

- 1.2.1 Rekaan nama dan slogan boleh terdiri daripada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- 1.2.2 Nama dan slogan yang dicipta hendaklah selari dengan hala tuju sistem yang ingin memartabatkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia. Pengenalan ringkas sistem adalah adalah seperti di **LAMPIRAN A1.**
- 1.2.3 Nama dan slogan mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen berunsur fitnah, hasutan ataupun yang boleh dianggap sebagai sensitif dan boleh menyinggung perasaan mana-mana pihak.
- 1.2.4 Nama dan slogan hendaklah disertakan dengan takrifan dan keterangan/ justifikasi.

1.3 Spesifikasi Reka Bentuk Logo

- 1.3.1 Reka bentuk mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen berunsur fitnah, hasutan ataupun yang boleh dianggap sebagai sensitif dan boleh menyinggung perasaan mana-mana pihak.
- 1.3.2 Reka bentuk logo bolehlah dicipta samada dengan lukisan tangan atau menggunakan grafik komputer serta hendaklah dihantar dalam dua (2) bentuk berikut:

- a. Dalam saiz A4 (tidak melebihi 21cm x 29.7cm) berwarna putih .
- b. Dalam bentuk softcopy menggunakan format AI (Adobe Illustration) dan JPG resolusi minimum 1280 x 960pix.

1.3.3 Reka bentuk logo tidak melebihi empat (4) warna.

1.3.4 Reka bentuk logo boleh disertakan dengan slogan atau tidak.

1.3.5 Logo hendaklah disertakan keterangan ke atas reka bentuk logo, simbol serta warna yang digunakan.

1.3.6 Logo yang dicipta hendaklah selari dengan hala tuju sistem yang ingin memartabatkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia. Pengenalan ringkas sistem adalah seperti di **LAMPIRAN A1**.

1.4 Dokumen Permohonan Penyertaan

Setiap peserta yang ingin menyertai pertandingan ini hendaklah mengisi borang penyertaan seperti di **LAMPIRAN A2**.

2. KRITERIA PENILAIAN

2.1. Penilaian akan dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima dari peserta yang menyertai pertandingan ini.

2.2. Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap reka bentuk nama, logo dan slogan yang dihantar kepada urus setia pertandingan.

3. HADIAH PERTANDINGAN

- 3.1 Hanya seorang (1) pemenang akan dipilih bagi setiap kategori.
- 3.2 Setiap pemenang akan menerima hadiah wang tunai RM1,000.00 dan sijil penghargaan bagi setiap kategori.
- 3.3 Pengumuman pemenang dan penyampaian hadiah akan dilakukan di Karnival Skils Malaysia pada Oktober 2019 yang akan dianjurkan di CIAST.

4. PANEL PENILAI

Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai. Panel Penilai **berhak mengubahsuai dan meminda** reka bentuk nama, logo dan slogan yang disertai sekiranya perlu. Nama, logo dan slogan yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik pengajur.

LAMPIRAN A1

PENGENALAN RINGKAS TVET DAN SISTEM KREDIT KEMAHIRAN MALAYSIA

Apa itu TVET?

Ia adalah singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education Training*). TVET merupakan pendidikan secara formal dan tidak formal dalam mempersiapkan anak-anak muda dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam dunia pekerjaan industri. Menerusi TVET, anak-anak muda mempunyai peluang untuk mempelajari kemahiran dunia pekerjaan industri daripada peringkat asas sehingga peringkat profesional menerusi pusat-pusat latihan kemahiran bertaualiah dan pendedahan kepada situasi pekerjaan sebenar dalam industri.

Tujuan TVET diperkenalkan?

Tujuan TVET diperkenalkan adalah bagi memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Ia membentuk kemahiran, kebolehan dan kefahaman dalam bidang pekerjaan. Ia juga menyediakan pekerja mahir dan separa mahir bagi memenuhi keperluan pekerja terlatih dan membuka peluang anak-anak muda memperbaiki kualiti hidup dengan mengembangkan potensi diri.

Apa itu Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM)?

Merupakan sebuah sistem atas talian yang dibangunkan untuk meningkatkan sistem penyampaian dan pengurusan persijilan kemahiran Malaysia yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan memberi keyakinan kepada industri untuk memberikan peluang pekerjaan kepada pemegang sijil.

LAMPIRAN A2

BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA NAMA, LOGO DAN SLOGAN BAGI PENJENAMAAN SEMULA SISTEM KREDIT KEMAHIRAN MALAYSIA (SKKM)

1. BUTIRAN PESERTA

- i. Nama :
- ii. No. Kad Pengenalan :.....
- iii. Alamat :.....
- iv. Email :
- v. No. Telefon Rumah :
- vi. No. Telefon Bimbit :
- vii. Nama Bank :
- viii. No. Akaun Bank :

2. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik penganjur dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan : _____
Nama : _____
Tarikh : _____

3. ALAMAT UNTUK MENGEMUKAKAN PENYERTAAN

Penyertaan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada alamat
ATAU email seperti di bawah :

Urus Setia (UPM PMO),
Pertandingan Reka Cipta Nama, Logo Dan Slogan,
Bahagian Pemantauan Projek (PMO),
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK),
Tingkat 7, Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Putrajaya
No Telefon : 03-8886 5536

Email : urusetiaskkm@mohr.gov.my

Untuk kegunaan urus setia pertandingan

Tarikh Terima Penyertaan : _____

No. Daftar : _____